



# GARIS PANDUAN PERMOHONAN

---

KEMASUKAN  
KOLEJ PROFESIONAL MARA SESI 2 2022/2023 PENGAMBILAN JULAI  
DAN  
KOLEJ MARA SESI 2022/2023

---

## BAHAGIAN PENDIDIKAN TINGGI MARA



TINGKAT 12, BANGUNAN IBU PEJABAT MARA,  
21, JALAN MARA, 50609 WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR  
03-26134074 / 4075 / 4076 / 4077  
[upim.bpt@mara.gov.my](mailto:upim.bpt@mara.gov.my)  
@hiedumara

## **1. PENGENALAN**

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) dan Sijil dalam bidang berkaitan pada tahun 2021 dan ke bawah untuk melanjutkan pengajian ke peringkat diploma di Kolej Profesional MARA (KPM) Sesi 2 2022/2023 pengambilan Julai dan peringkat asasi di Kolej MARA (KM) Sesi 2022/2023. Program diploma KPM dan Asasi KM ini merupakan peluang pengajian yang ditawarkan kepada pelajar warganegara Malaysia bertaraf Bumiputera.

### **1.1 Program Diploma Kolej Profesional MARA**

KPM menyediakan peluang lanjutan pengajian dalam bidang Perakaunan, Perniagaan Teknologi Maklumat, Pengurusan Perniagaan, Rangkaian Komputer, Sains Komputer, Pengurusan Media Digital Kreatif, Komunikasi Bahasa Inggeris, Industri Halal, Pengurusan Logistik, Perniagaan Antarabangsa, Kewangan & Perbankan Islam, Lanskap & Hortikultur serta Pemasaran. Program ini terdiri daripada empat belas (14) kluster program seperti berikut:

- (i) Diploma in Accounting;
- (ii) Diploma in Business Information Technology;
- (iii) Diploma in Business Studies;
- (iv) Diploma in Computer Networking;
- (v) Diploma in Computer Science;
- (vi) Diploma in Creative Digital Media Production;
- (vii) Diploma in English Communication;

- (viii) Diploma in Entrepreneurship;
- (ix) Diploma in Halal Industry;
- (x) Diploma in Integrated Logistics Management;
- (xi) Diploma in International Business;
- (xii) Diploma in Islamic Banking & Finance;
- (xiii) Diploma in Landscape & Horticulture;
- (xiv) Diploma in Marketing;

## **1.2 Program Asasi Kolej MARA**

Permohonan adalah dipelawa kepada calon-calon yang telah menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021 bagi kali pertama, untuk melanjutkan pengajian ke peringkat Asasi Kolej MARA dan seterusnya melayakkan pemohon untuk mendapatkan pinjaman pelajaran MARA ke pengajian peringkat Ijazah Sarjana Muda di Institusi Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS) atau Institusi Pendidikan MARA (IPMA) yang terpilih. Program Asasi Kolej MARA Tahun 2022 merupakan program kepada pelajar Bumiputera bagi mengikuti pengajian peringkat Asasi di Kolej MARA dalam kluster Perniagaan, Kejuruteraan dan Teknologi serta Sains. Program pengajian ini terdiri daripada senarai seperti berikut:

- (i) Asasi Perniagaan (Universiti Kuala Lumpur);
- (ii) Asasi Perniagaan (Multimedia University);
- (iii) Asasi Perniagaan (Universiti Tenaga Nasional);
- (iv) Asasi Perniagaan (UCSI University);
- (v) Asasi Perniagaan (Taylor's University);
- (vi) Asasi Perniagaan (Asia Pacific University of Technology & Innovation);

- (vii) Asasi Perniagaan (Universiti Tun Abdul Razak);
- (viii) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Universiti Kuala Lumpur);
- (ix) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Universiti Teknologi Malaysia);
- (x) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Universiti Teknologi Petronas);
- (xi) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Multimedia University);
- (xii) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Universiti Tenaga Nasional);
- (xiii) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Universiti Malaysia Pahang);
- (xiv) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (UCSI University);
- (xv) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Taylor's University);
- (xvi) Asasi Kejuruteraan dan Teknologi (Asia Pacific University of Technology & Innovation);
- (xvii) Asasi Sains (Universiti Kuala Lumpur);
- (xviii) Asasi Sains (Management & Science University);
- (xix) Asasi Sains (Malaysian Allied Health Sciences University);
- (xx) Asasi Sains (UCSI University);
- (xxi) Asasi Sains (Taylor's University);
- (xxii) Asasi Sains (Asia Pacific University of Technology & Innovation).

## 2. GARIS PANDUAN

Berikut adalah garis panduan dan tatacara permohonan:

- Permohonan dibuka secara atas talian (*online*) di laman sesawang MARA <http://www.mara.gov.my> serta laman sesawang Unit Pusat Institusi MARA (UPIM) <https://apponline.mara.gov.my/upimonline> bermula 22 Februari 2022 sehingga 30 Jun 2022.
- **PERINGATAN:** Pada peringkat **PERMOHONAN**, calon lepasan SPM 2021 DIWAJIBKAN untuk mengisi maklumat keputusan SPM dengan **keputusan peperiksaan percubaan SPM ATAU keputusan peperiksaan akhir tahun.**
- Calon dibenarkan mendaftar, mengemaskini atau meminda maklumat permohonan **sebelum tarikh tutup permohonan**. Hanya pindaan yang terkini sahaja akan diambil kira untuk tujuan penyimpanan data.
- Calon hendaklah memastikan proses permohonan adalah lengkap dengan mencetak **Slip Pengesahan Permohonan** sebagai bukti permohonan telah dibuat. Bukti permohonan calon yang telah dicetak tidak perlu dihantar dan hanya untuk simpanan pihak calon sahaja.
- Pertanyaan berkenaan dengan permohonan dan masalah teknikal boleh dibuat dengan menghubungi Unit Pusat Institusi MARA (UPIM), Bahagian Pendidikan Tinggi MARA (BPT) di talian 03-26134074 / 03-26134075 / 03-26134076 / 03-26134077 / 03-26134081 atau melalui e-mel [upim.bpt@mara.gov.my](mailto:upim.bpt@mara.gov.my) mulai

**22 Februari 2022** dari jam 9:00 pagi sehingga 4:30 petang pada hari Isnin sehingga Jumaat. Maklumat terkini juga boleh diperolehi melalui saluran media sosial **HiEduMARA** seperti di bawah:

Facebook : <https://www.facebook.com/hiedumara>

Twitter : [https://twitter.com/Hi\\_EduMARA](https://twitter.com/Hi_EduMARA)

Instagram : <https://www.instagram.com/hiedumara/>

Telegram : <https://t.me/s/hiedumara>

### **3. TARIKH TUTUP PERMOHONAN**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **30 Jun 2022 pada jam 11:59 malam**. Sebarang permohonan selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

### **4. PENILAIAN KHAS: UJIAN BERTULIS / SESI TEMUDUGA**

Calon yang **memohon** kemasukan ke program **Diploma in English Communication** dan **Diploma Creative Digital Media and Production KPM** dijangka akan dipanggil untuk menjalani penilaian khas pada **bulan Mei 2022**.

### **5. KEMASKINI MAKLUMAT PERMOHONAN**

**PERINGATAN:** Calon lepasan SPM 2021 **DIWAJIBKAN** untuk mengemaskini maklumat permohonan khususnya maklumat keputusan SPM dalam **tempoh 10 hari selepas keputusan peperiksaan SPM tahun 2021 diumumkan**.

## **6. SEMAKAN KEPUTUSAN PERMOHONAN DAN RAYUAN**

- 6.1 Keputusan permohonan bagi program diploma KPM dan Asasi KM ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang UPIM **pada 1 Julai 2022, selepas jam 3:00 petang.**

**Keputusan semakan permohonan adalah MUKTAMAD.**

- 6.2 Sebarang permohonan pertukaran program dan pertukaran kolej adalah **TIDAK DIBENARKAN.**
- 6.3 Permohonan rayuan boleh dibuat secara atas talian (*online*) melalui Sistem UPIM di laman sesawang <https://apponline.mara.gov.my/upimonline> mulai **1 Julai 2022.** Keputusan permohonan rayuan program diploma KPM ini pula dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang UPIM dari semasa ke semasa **SEBELUM** sistem semakan keputusan permohonan dan rayuan **DITUTUP.**
- 6.4 Kriteria pemilihan
- a. Memenuhi Syarat Am kemasukan ke program Asasi KM adalah seperti berikut:
    - i. Warganegara Malaysia
    - ii. Berstatus Bumiputera bagi pemohon DAN ibu ATAU bapa; dan
    - iii. Berumur 18 tahun pada tahun 2022.

b. Memenuhi Syarat Am kemasukan ke program diploma KPM adalah seperti berikut:

- i. Warganegara Malaysia
- ii. Berstatus Bumiputera bagi pemohon DAN ibu ATAU bapa; dan
- iii. Berumur 18 tahun hingga 35 tahun.

c. Memenuhi Syarat Kelayakan Khusus/Akademik:

Sila rujuk lampiran-lampiran berikut untuk syarat-syarat kelayakan:

- i. Syarat khusus program Diploma KPM:  
<https://tinyurl.com/EntryREQ-DiplomaKPM-Jul22>
  - ii. Syarat khusus program Asasi KM:  
<https://tinyurl.com/EntryREQ-AsasiKM>
- d. MARA juga mempertimbangkan calon-calon yang memenuhi kriteria berikut:
- i. Ibu / bapa tidak disenarai hitam oleh MARA atau sedang dalam tindakan undang-undang oleh pihak MARA;
  - ii. Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk pengajian atau peringkat yang sama.
  - iii. Pemohon perlu lulus pemeriksaan kesihatan dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah;

- iv. Pemohon perlu bebas daripada masalah kesihatan mental dan mendapat pengesahan daripada pegawai perubatan bertauliah; dan
  - v. MARA mempertimbangkan pemohon berkeperluan khas dengan kemudahan yang terhad.
- 6.5 Sekiranya calon didapati memberikan maklumat palsu, MARA berhak pada bila-bila masa menamatkan atau menarik balik tawaran pengajian.

## 7. PENGESAHAN SETUJU TERIMA CALON JAYA

Bagi calon jaya yang ditawarkan pengajian ke peringkat diploma KPM, terdapat tiga (3) langkah penting untuk anda membuat pengesahan setuju terima:

- 7.1 Membuat semakan keputusan permohonan di laman sesawang UPIM <https://apponline.mara.gov.my/upimonline> **mulai 1 Julai 2022.**
- 7.2 Membuat bayaran Yuran Pendaftaran **dalam tempoh tawaran yang ditetapkan** melalui kaedah bayaran perbankan elektronik dengan menggunakan Aplikasi MARAeps yang boleh dicapai di laman sesawang <https://bayar.maraeps.my> atau dengan memuat turun aplikasi di *Google Play Store* atau *Apple Store*. Pendaftaran akaun pengguna Aplikasi MARAeps adalah perlu menggunakan butiran maklumat **nombor kad pengenalan calon jaya**.

- 7.3 Membuat pengesahan setuju terima tawaran di laman sesawang UPIM <https://apponline.mara.gov.my/upimonline> dengan memasukkan nombor transaksi pembayaran MARAeps bagi membolehkan calon jaya memuat turun surat tawaran dan dokumen pendaftaran **dalam tempoh setuju terima yang ditetapkan.**

Sebarang pembayaran yuran yang telah dijelaskan oleh calon jaya **TIDAK AKAN DIKEMBALIKAN** sekiranya tidak hadir melaporkan diri ATAU tidak melaksanakan pendaftaran secara dalam talian (*online*) dalam tempoh yang telah ditetapkan.

## **8. PENDAFTARAN DALAM TALIAN DAN LAPOR DIRI CALON JAYA**

Sesi **pendaftaran dalam talian** bagi calon-calon jaya program diploma KPM dan Asasi KM dijangka akan dibuka **bermula 01 Julai 2022** manakala calon-calon jaya boleh merujuk kepada **Surat Tawaran bagi tarikh lapor diri di KPM atau KM yang ditetapkan.**

## **9. MEKANISME PENGAJIAN**

### **9.1 Diploma KPM**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan pengajian program diploma KPM adalah tertakluk kepada terma perjanjian MARA seperti berikut:

- 9.1.1 Medium Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan bagi pengajian diploma KPM ini adalah Bahasa Inggeris.

- 9.1.2 Mod pengajian bagi program diploma KPM adalah dilaksanakan secara sepenuh masa.
- 9.1.3 Yuran Pengajian ditanggung sepenuhnya oleh pihak MARA.
- 9.1.4 Kemudahan Elaun Sara Hidup (ESH) yang diberi sepanjang tempoh pengajian merupakan skim geran dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar menamatkan pengajian.
- 9.1.5 Kemudahan pinjaman asrama bagi Pelajar Baharu Semester 1 disediakan manakala bagi Pelajar Kanan Semester 2 dan ke atas bergantung kepada kekosongan penempatan sedia ada.
- 9.1.6 Pelajar yang Berhenti atau Ditamatkan Pengajian perlu membayar semula kemudahan ESH bergantung kepada jumlah ESH yang diterima sepanjang pengajian.

Butiran lanjut berkaitan maklumat pengajian boleh dirujuk seperti berikut:

**SYARAT KHUSUS/AKADEMIK:**

<https://tinyurl.com/EntryREQ-DiplomaKPM-Jul22>

**9.2 Asasi KM**

Calon-calon yang berjaya ditawarkan pengajian program Asasi KM adalah tertakluk kepada terma perjanjian MARA seperti berikut:

- 9.2.1 Program Asasi Kejuruteraan & Teknologi, Asasi Sains dan Asasi Perniagaan dilaksanakan sepenuhnya di Kolej MARA Kuala Nerang.
- 9.2.2 Medium Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang digunakan bagi pengajian Asasi KM ini adalah Bahasa Inggeris.
- 9.2.3 Mod pengajian bagi program Asasi KM adalah dilaksanakan secara sepenuh masa.

- 9.2.4 Yuran Pengajian ditanggung sepenuhnya oleh pihak MARA.
- 9.2.5 Kemudahan Elaun Sara Hidup (ESH) yang diberi sepanjang tempoh pengajian merupakan skim geran dan dikecualikan daripada bayaran balik sekiranya pelajar menamatkan pengajian.
- 9.2.6 Kemudahan penginapan asrama disediakan bagi semua pelajar disepanjang pengajian.
- 9.2.7 Pelajar yang Berhenti atau Ditamatkan Pengajian perlu membayar semula kemudahan ESH bergantung kepada jumlah ESH yang diterima sepanjang pengajian.

Butiran lanjut berkaitan maklumat pengajian boleh dirujuk seperti berikut:

**SYARAT KHUSUS/AKADEMIK:** <https://tinyurl.com/EntryREQ-AsasiKM>



---

**TAMAT**

---